

## BAB V

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1. Kesimpulan

Dari huraian yang dipaparkan daripada bab terdahulu, pengkaji menyimpulkan dengan membahagikan kepada tiga aspek seperti berikut ini:

##### 5.1.1. Konsep *al-Mushārah* dalam Perniagaan Francais.

1. Sistem perniagaan francais mempunyai kelebihan berbanding dengan sistem perniagaan yang lain. Perniagaan ini telah teruji, lebih dikenali di kalangan masyarakat, modal yang tidak mahal dan keuntungan yang diperoleh agak lumayan.
2. Dalam fiqh mu'amalah yang merujuk kepada sumber perundangan dan kitab-kitab turath tidak dijumpai istilah francais secara rinci dan jelas. Akan tetapi ia mempunyai ciri-ciri dan persamaan dengan kontrak *al-Mushārah*. Ia akan menjadi satu sumber pendapatan yang halal jika terhindar daripada unsur-unsur *riba*, *zulm*, *maysir* dan cara-cara yang dianggap haram oleh Islam.
3. Isu yang sering dibincang di kalangan masyarakat adalah harta yang dijadikan modal dalam kontrak kerjasama francais. Dalam francais, idea dan konsep perniagaan merupakan satu kekayaan intelektual yang dilindungi oleh hukum dan perundang-undangan, ini kerana ia dianggap sebagai harta selama ia mempunyai nilai dan manfaat. Justeru Majelis Ulama Indonesia telah mengeluarkan fatwa yang menjelaskan perkara sebegini Nomor 1/MunasVII/MUI/15/2005 tentang perlindungan Hak Kekayaan Intelektual (HaKI) dan juga Keputusan *Majma' al-Fiqh al-Islāmy* Nombor 43 (5/5) Mukhtamar ke-5 tahun 1409 H/1988 M tentang *Huqūq al-Ma'nawiyah*. Dewan Syariah Nasional (DSN) Majelis Ulama Indonesia pula mengeluarkan

fatwa tentang konsep asas pembiayaan dalam *al-mushārah* bagi memberi asas hukum bagi kontrak kerjasama, termasuklah perniagaan francais di Indonesia.

### **5.1.2. Sistem Perniagaan Francais pada Jarimatika Indonesia**

1. Hasil penyelidikan mendapati bahawa Jarimatika Indonesia merupakan satu syarikat yang mengguna konsep francais dalam mengembangkan usahanya. Ada tiga unsur asas yang terdapat dalam francais ini, Jarimatika Pusat selaku francaisor yang menawarkan perniagaan francais dan Unit Jarimatika selaku francaisi yang menerima hak dan tanggung jawab terhadap sistem Jarimatika Indonesia.
2. Kedua-dua pihak mempunyai hak dan tanggung jawab yang mesti ditunaikan mengikut kontrak perjanjian yang dibuat secara tertulis, sama ada secara administrasi mahupun bayaran-bayaran yang mesti dibuat.
3. Jarimatika Indonesia dikategorikan sebagai francais format perniagaan yang memberikan kesempatan kepada pihak unit Jarimatika untuk menentukan tempat dan metod pengembangan dalam belajar di dalam kelas.

### **5.1.3. Kontrak *Al-Mushārah* pada Jarimatika Indonesia**

1. Kontrak perjanjian yang dibuat Jarimatika lebih mirip kepada bentuk *al-mushārah*, di mana terdapat unsur ‘*āqidāni* iaitu dua pihak yang membuat kontrak kerjasama Jarimatika Indonesia, pihak Jarimatika Pusat dan Unit Jarimatika, manakala ijab dan kabul diwujudkan dengan menandatangani kontrak perjanjian, dan sejumlah harta dijadikan sebagai modal dan keuntungan yang dibahagikan mengikut besaran modal yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak.

2. Daripada kandungan akad tertulis dan jawapan beberapa pihak yang ditemui, pengkaji berpandangan bahawa kerjasama francais dan francais di Jarimatika Indonesia lebih mendekati konsep *al-shirkah al-'Inan*. Ini kerana dari segi modal atau harta yang dikeluarkan bukanlah sesuatu yang memiliki jumlah dan nilai yang sama, adanya harta yang dijadikan modal serta nisbah keuntungan yang jelas.
3. Walau pada peringkat awal pembahagian keuntungan dikeluarkan daripada pendapatan bersih dengan nisbah 40 peratus untuk pihak pusat Jarimatika dan 60 peratus untuk pihak Unit Jarimatika, akan tetapi dalam perjanjian tersebut juga membuka peluang untuk berbincang, sekiranya pihak Unit Jarimatika menghadapi kesusahan dan masalah dengan sebab-sebab tertentu. Pengkaji melihat adanya fleksibiliti dalam pembayaran keuntungan ini

## **5.2. Cadangan**

Pengkaji mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

1. Pengkaji mencadangkan adanya penyelidikan baru berkaitan dengan francais jarimatika, iaitu mengenai konsep pengurusan dalam francais Jarimatika, penyelidikan ini dibuat bagi menguatkan struktur jalinan kerjasama francais yang semakin berkembang dan berdepan dengan persaingan yang semakin ketat antara perniagaan sejenis.
2. Diharapkan kepada para pengkaji muslim yang menceburi bidang penyelidikan hendaklah lebih aktif dan berperanan untuk menjawab pelbagai problema dan isu semasa yang muncul. Pintu ijtihad pula terbuka lebar bagi memastikan perkembangan kontrak dan pelbagai perjanjian mu'amalah dapat dibuat di atas perundangan Islam, dan masyarakat pula dapat memahami perkara-perkara tersebut.

3. Bagi usahawan muslim yang akan menceburi dunia keusahawanan hendaklah memahami konsep-konsep asas perniagaan yang diharuskan mengikut pandangan Islam, bagi memastikan kehalalan keuntungan yang diperolehi.
4. Pengkaji berharap, kajian yang dijalankan ini menambah rujukan penyelidikan pada dunia akademik tentang sistem francais dan pelbagai isu yang muncul.